

Estet buah bagi tembusi pasar antarabangsa

BH 25 APR 1988



ALOR STAR, Ahad — Malaysia mampu bersaing dalam pasaran buah-buahan antarabangsa jika langkah mengusahakan buah-buahan dalam bentuk estet dilaksanakan.

Untuk tujuan itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia boleh menonjolkan rambutan, manggis, durian belanda dan buah nona.

Bagaimanapun, beliau kesal tiada pihak merebut kesempatan ini dan berusaha menghasilkan buah-buahan itu secara besar-besaran bagi tujuan eksport.

Belliau mengulas cadangan Australia mengeksport buah rambutan ke Malaysia untuk memenuhi permintaan perusahaan buah-buahan dalam tin.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rambutan berpotensi menembusi pasaran antarabangsa tetapi ia tidak berguna jika rakyat Malaysia hanya memiliki dua batang pokok di belakang rumah.

"Kita kena ada estet yang besar dan yang tidak bermodal pula hendaklah sanggup menjadi pekerja. Dan, estet itu pula mesti diurus secara teratur seperti estet getah dan kelapa sawit.

Kunci

"Mustahil kita akan menjadi negara terbesar sekali mengeluarkan getah dan kelapa sawit jika cuma harap nak tanam dua tiga pokok belakang rumah atau satu estet yang luasnya empat hektar," katanya.

Menurutnya, pengurusan yang baik adalah kunci kejayaan. Sebagai dalil, Perdana Menteri berkata, sungguhpun dua pertiga daripada kawasan tanaman getah di negara ini dimiliki oleh pekebun kecil tetapi hasil mereka hanya satu pertiga daripada keseluruhan pengeluaran. Bakinya dihasilkan oleh estet.

Datuk Seri Dr Mahathir ber-

Oleh RAZALI ZAKARIA

kata, kerajaan cuba memperkenalkan estet buah-buahan, malah di peringkat permulaan ada pihak tertentu yang menunjukkan minat.

Bagaimanapun, katanya, lebih ramai yang cuba mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan dan sudah tentu ini tidak memberi keuntungan lumayan.

Perdana Menteri berkata, sejenis buah dari negeri Cina iaitu "Chinese Gooseberry" kini menjadi kegemaran seluruh dunia apabila New Zealand mula menanamnya secara besar-besaran serta menukar namanya kepada buah Kiwi.

"Ini menunjukkan bahawa buah yang berpotensi di pasaran seluruh dunia mesti ditonjol dan diadakan promosi dengan cara yang betul, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menasihatkan pengeluar hasil pertanian tempatan meningkatkan kecekapan bagi menambah hasil jika mahu bersaing dengan negara-negara asing.

Mengenai pembelian buah-buahan luar negara, beliau berkata, langkah itu perlu dilakukan supaya negara lain juga membeli hasil keluaran Malaysia seperti getah dan minyak kelapa sawit.